

Timbalan: Dua tokoh sedia terima keputusan perwakilan

KUALA LUMPUR, Isnin — Tengku Razaleigh Hamzah dan Datuk Musa Hitam telah memberi pengakuan kepada Majlis Tertinggi UMNO mereka akan menerima baik keputusan para perwakilan dalam Perhimpunan Agung parti itu 26 Jun ini.

Mereka juga memberi jaminan tidak akan mengambil tindakan negatif yang boleh mejejas keutuhan parti dan kerajaan.

Kedua calon Timbalan Presiden UMNO iaitu Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini, membuat pengakuan tersebut semasa Majlis Tertinggi bersidang semalam.

Timbalan Perdana Menteri memberitahu para pemberita demikian selepas berdialog dengan 17 eksekutif kanan Pusat Hal Ehwal Awam Antarabangsa Eropah (IPAC) di Bilik Gerakan Negara di sini, pagi tadi.

Satu formula

Mengenai kemungkinan persidangan Majlis Tertinggi itu merumuskan satu formula antara kedua calon itu, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata:

"Saya berani memberi jaminan di sini, tidak kira apa sahaja keputusan pertandingan jawatan Timbalan Presiden UMNO itu, ia tidak akan mempunyai kesan buruk terhadap UMNO dan Kerajaan."

Semasa berucap di Ipoh semalam, Datuk Seri Dr.

Mahathir berkata, pertandingan yang merugikan antara kedua tokoh itu masih boleh dielakkan.

Katanya, kedua tokoh itu merupakan pemimpin yang terkenal berhemah tinggi dan sentiasa patuh pada keputusan parti.

Dari itu, katanya, satu penyelesaian dalam bentuk kompromi mungkin sahaja dicapai.

Bagaimanapun para pemerhati politik berkata, kedua calon itu masih boleh meneruskan khidmat mereka sebagai menteri sekiranya diperlukan oleh Perdana Menteri.

Sesialapa sahaja dari keduanya yang kalah boleh dilantik sebagai ahli Majlis Tertinggi oleh Presiden parti dan kemudian menjawat jawatan Menteri atau Timbalan Menteri, kata mereka.